



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 9

27hb April 2000

*TAMBAHAN No. 7
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 14.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM RENANG (PERBADANAN
PUTRAJAYA) 2000

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

**Undang-undang
Kecil**

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Bayaran masuk
4. Kanak-kanak
5. Pakaian yang sesuai
6. Larangan ketika menggunakan kolam renang
7. Larangan ke atas gangguan, halangan dan bermain dengan riuh
8. Larangan ke atas minuman beralkohol
9. Larangan ke atas perbuatan kurang sopan
10. Larangan ke atas binatang
11. Mengguna dan menjaga bilik mandi dll.



**Undang-undang
Kecil**

12. Kehilangan atau kerosakan kepada harta
13. Jadual Waktu
14. Menutup Kolam
15. Menutup Kolam bagi kegunaan eksklusif
16. Mematuhi perintah-perintah
17. Kuasa-kuasa pegawai diberi kuasa untuk mengawal renang
18. Tiada pemulangan bayaran masuk atau tarikh masuk gantian
19. Menyingkir dari Kolam
20. Penalti

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM RENANG (PERBADANAN PUTRAJAYA) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Perbadanan Putrajaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakaian

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Kolam Renang (Perbadanan Putrajaya) 2000.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah dipakai hanya bagi Kawasan Perbadanan Putrajaya.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bayaran masuk” ertinya bayaran yang dibuat kepada pegawai diberi kuasa atau apa-apa kaedah kemasukan seperti yang ditetapkan oleh Perbadanan;

“Kolam” ertinya mana-mana kolam renang yang diselenggara oleh Perbadanan dan apa-apa kepungan, bilik tukar pakaian, bilik mandi, tandas, almari, kotak atau ruang atau apa-apa bahagian daripadanya, dan mana-mana tanah, premis, bangunan atau binaan yang menjadi sebahagian daripadanya atau bersangkutan dengannya;

“Kawasan Perbadanan Putrajaya” ertinya kawasan yang diperihalkan dalam seksyen 10, Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536];

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Perbadanan;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3, Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536].

Bayaran masuk

3. Tiada seseorang boleh dibenarkan masuk ke Kolam tanpa bayaran masuk.

Kanak-kanak

4. Tiada kanak-kanak di bawah umur enam tahun boleh dibenarkan masuk ke kolam renang melainkan ditemani oleh seorang dewasa yang boleh bertanggungjawab dan mengawal kanak-kanak tersebut.

Pakaian yang sesuai

5. Pakaian yang sesuai hendaklah dipakai oleh semua orang yang mandi.



Larangan ketika menggunakan kolam renang**6. Tiada seseorang boleh—**

- (a) memasuki kolam renang tanpa terlebih dahulu mandi air pancur dan membasuh kaki; ✓
- (b) memasuki kolam renang jika ia berada dalam keadaan dijangkiti kutu atau jika ia menghidapi atau disyaki menghidapi apa-apa penyakit kulit, penyakit berjangkit atau menular; ✓
- (c) pada bila-bila masa menggunakan apa-apa sabun atau bahan atau persediaan yang mengakibatkan air di dalam kolam renang itu menjadi keruh atau tidak sesuai untuk digunakan oleh orang-orang yang mandi, atau dengan cara lain dengan sengaja mengotor atau mencemar kolam renang; ✓
- (d) mencampakkan apa-apa barang ke dalam kolam renang; dan ✓
- (e) membawa apa-apa barang ke dalam kolam renang selain dari barang yang dibenarkan oleh Perbadanan. ✓

Larangan ke atas gangguan, halangan dan bermain dengan riuh**7. Tiada seseorang yang mengunjungi Kolam boleh—**

- (a) dengan sengaja dan tidak senonoh menyebabkan berpasir atau mengotorkan mana-mana bilik mandi, bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang atau apa-apa perabot atau barang di dalamnya; ✓
- (b) memasuki atau menggunakan mana-mana bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang yang dikhaskan untuk kegunaan seseorang dari jantina yang berlainan, dengan syarat undang-undang kecil ini tidak terpakai dalam hal seseorang kanak-kanak di bawah umur enam tahun yang ditemani oleh seorang dewasa; dan ✓
- (c) berlari, bertolak-tolak atau bermain dengan riuh yang boleh menyebabkan kecederaan kepada diri sendiri atau kepada orang lain. ✓

Larangan ke atas minuman beralkohol

8. Tiada seseorang boleh membawa apa-apa minuman yang memabukkan atau berada di dalam Kolam ketika dalam keadaan mabuk. ✓

Larangan ke atas perbuatan kurang sopan

9. Tiada seseorang yang mengunjungi Kolam boleh pada bila-bila masa berkelakuan tidak sopan.

Larangan ke atas binatang

10. Tiada binatang dibenarkan dibawa masuk ke dalam Kolam. ✓

Mengguna dan menjaga bilik mandi dll.

11. Semua orang yang mengunjungi Kolam hendaklah pada setiap masa menjalankan jagaan yang sepatutnya apabila menggunakan mana-mana bilik mandi, bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang atau apa-apa peralatan atau harta yang ada di dalamnya, dan tidak boleh memecah atau merosakkan apa-apa loji atau jentera atau apa-apa bahagian daripadanya.

Kehilangan atau kerosakan kepada harta

12. Perbadanan tidak sekali-kali bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan harta milik sesiapa yang mengunjungi Kolam.

Jadual Waktu

13. Perbadanan hendaklah menyediakan jadual waktu menunjukkan masa Kolam tersebut digunakan.

Menutup Kolam

14. Perbadanan boleh pada bila-bila masa difikirkan sesuai menutup Kolam tanpa notis.

Menutup Kolam bagi kegunaan eksklusif

15. Perbadanan boleh pada bila-bila masa menutup Kolam buat sementara waktu kepada orang awam atau mana-mana bahagian orang awam dan/atau memberi kegunaan eksklusif kepada sesebuah sekolah, kelab, kesatuan atau pertubuhan untuk pertandingan, samada dengan percuma atau dengan bayaran dan membuat atau membenarkan dibuat bayaran untuk masuk atau menggunakannya apabila ianya ditutup kepada orang ramai.

Mematuhi perintah-perintah

16. Perintah-perintah pegawai diberi kuasa hendaklah setiap masa dipatuhi dengan segera oleh semua orang yang mengunjungi Kolam.

Kuasa-kuasa pegawai diberi kuasa untuk mengawal renang

17. Pegawai diberi kuasa boleh pada bila-bila masa—

(a) menggantung renang dan memerintahkan orang-orang yang mandi keluar dari dalam air jika, pada pendapatnya, keadaan air itu adalah tidak memuaskan atau kolam renang itu penuh sesak; dan

(b) menutup Kolam dan/atau menggantung renang dan memerintahkan orang-orang yang mandi keluar dari air jika terdapat kerosakan pada lampu limpah Kolam renang dan/atau lampu biasa, loji dan perkakas, atau ketika kecemasan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada keselamatan orang-orang yang mandi.



Tiada pemulangan bayaran masuk atau tarikh masuk gantian

18. Di dalam hal penggantungan renang atau penutupan Kolam di bawah undang-undang kecil 17, tiada pemulangan bayaran masuk boleh dibuat atau tarikh masuk gantian boleh ditawarkan, melainkan Perbadanan memutuskan sebaliknya, dan keputusan Perbadanan adalah muktamad.

Menyingkir dari Kolam

19. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini bagi mengawal dan menyenggara Kolam boleh disingkirkan oleh pegawai diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis.

(2) Di dalam hal penyingkiran dari Kolam di bawah perenggan (1) di atas, bayaran masuk tidak boleh dikembalikan dan orang berkenaan tidak dibenarkan masuk kemudiannya.

(3) Tanpa prejudis kepada perenggan (1) mana-mana orang yang melanggar peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh didakwa.

Penalti

20. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Diperbuat oleh Perbadanan Putrajaya dalam mesyuaratnya pada 25 haribulan Februari 1999.

TAN SRI DATUK SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN,
Presiden,
Perbadanan Putrajaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 1 Mac 2000.
[PPJ/URUS/PENT (S) Jld. (); P.U. Sel. AM/0160/U]


EPJ/UNDANG CA) 4-23

ASMAWAR BIN SAMAT,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Selangor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**SWIMMING POOL (PERBADANAN PUTRAJAYA) BY-LAWS 2000**

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-laws

1. Citation and application
 2. Interpretation
 3. Admission fee
 4. Children
 5. Appropriate costumes
 6. Prohibition when using the swimming pool
 7. Prohibition against interruptions, disturbances and boisterous play
 8. Prohibition against alcoholic drink
 9. Prohibition against indecent manner
 10. Prohibition of animals
 11. Use and care of bathrooms etc.
 12. Loss or damage to the property
 13. Timetable
 14. Closing of Pool
 15. Closing of Pool for exclusive use
 16. Obedience to orders
 17. Powers of authorised officer to regulate swimming
 18. No refund of admission fee or alternative admission date
 19. Removal from the Pool
 20. Penalty
- 

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

SWIMMING POOL (PERBADANAN PUTRAJAYA) BY-LAWS 2000

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976[Act 171], the Perbadanan Putrajaya makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following by-laws:

Citation and application

1. (1) These by-laws may be cited as the Swimming Pool (Perbadanan Putrajaya) By-laws 2000.

(2) These by-laws shall apply only to Kawasan Perbadanan Putrajaya.

Interpretation

2. In these By-laws unless the context otherwise requires—

“admission fee” means the fee payable to the authorised officer or any method of admittance as determined by the Perbadanan;

“authorised officer” means any officer authorised by the Perbadanan;

“Kawasan Perbadanan Putrajaya” means the area as described under section 10 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [Act 536];

“Perbadanan” means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [Act 536]; and

“Pool” means any swimming pool maintained by the Perbadanan and any enclosure, dressing room, bathroom, toilet, closet, box or compartment or any part thereof, and any land, premises, building or structure forming part thereof or appurtenant thereto.

Admission fee

3. No person shall be admitted to the Pool without an admission fee.

Children

4. No child below the age of six years shall be admitted to the swimming pool unless accompanied by an adult who is able to be responsible for and to exercise control over such child.

Appropriate costumes

5. An appropriate swimming costumes shall be worn by all bathers.

Prohibition when using the swimming pool**6. No person shall—**

- (a) enter the swimming pool without first having a shower and use the foot baths at the Pool;
- (b) enter the swimming pool while in a verminous condition or while suffering or suspected of suffering from any cutaneous, infectious or contagious disease;
- (c) at any time use any soap or any substance or preparation whereby the water in the swimming pool may be rendered turbid or unfit for the proper use of bathers, or otherwise wilfully foul or pollute the swimming pool;
- (d) throw any articles into the swimming pool; and
- (e) bring anything into the swimming pool other than such articles as may be determined by the Perbadanan.

Prohibition against interruptions, disturbances and boisterous play**7. No person entering the Pool shall—**

- (a) wilfully and improperly soil or defile any bathroom, dressing room, closet, box or compartment, or any furniture or article therein;
- (b) enter or use any dressing room, closet, box or compartment appointed for the use of a person of the opposite sex, provided that this by-law shall not apply in the case of any small children below the age of six years who is accompanied by an adult; and
- (c) push or indulge in boisterous play which may cause injury to themselves, or to others.

Prohibition against alcoholic drink

- 8. No person shall bring any intoxicating liquors or remain in the Pool while in a state of intoxication.**

Prohibition against indecent manner

- 9. No person entering the Pool shall at any time behave in an indecent manner.**

Prohibition of animals

- 10. No animals are allowed to be taken inside the Pool.**



Use and care of bathrooms etc.

11. All persons entering the Pool shall at all times exercise reasonable care in the use of any bathroom, dressing room, closet, box or compartment or any apparatus or property therein, and shall not break or damage any plant or machinery or any part thereof.

Loss or damage to the property

12. The Perbadanan shall at no time be liable for any loss or damage of the property of any person who enters the Pool.

Timetable

13. Perbadanan shall provide a timetable showing the periods for the use of the Pool.

Closing of Pool

14. The Perbadanan may at any time as it thinks fit close the Pool without notice.

Closing of Pool for exclusive use

15. The Perbadanan may at any time close the Pool temporarily to the public or any section of the public and/or grant exclusive use to a school, club, association or organisation for contests, either gratuitously or for payment and make or authorise the making of charges for admission to or use thereof when so closed to the public.

Obedience to orders

16. The orders of the authorised officer shall be promptly obeyed at all times by all persons entering the Pool.

Powers of authorised officer to regulate swimming

17. The authorised officer may at any time—

- (a) suspend swimming and order all bathers out of the water if, in his opinion, the condition of the water is unsatisfactory or the swimming pool is overcrowded; and
- (b) close the Pool and/or suspend swimming and order all bathers out of the water in the event of the breakdown of swimming pool flood-lights and/or general lighting, plant and equipment, or in any emergency which may arise detrimental to the safety of bathers.

No refund of admission fee or alternative admission date

18. In any case of suspension of swimming or closing of the Pool under by-law 17, no refund of admission fee shall be made nor an alternative admission date offered, unless the Perbadanan shall otherwise decide, and the decision of the Perbadanan shall be final.

Removal from the Pool

19. (1) Any person who contravenes these By-laws for the control and management of the Pool may be removed therefrom by the authorised officer or by any police officer.

(2) In case of removal from the Pool under paragraph (1) above, no refund of admission fee shall be made and such person may be refused admittance subsequently.

(3) Without prejudice to paragraph (1) any person who contravenes this By-laws shall be liable to prosecution.

Penalty

20. Any person who is guilty of an offence under these By-laws shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding one year or to both such fine and imprisonment.

Made by the Perbadanan Putrajaya in the meeting on the 25 February 1999.

TAN SRI DATUK SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN,
President,
Perbadanan Putrajaya

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 1 March 2000.
[PPj/URUS/Pent (S) Jld. () ; P.U. Sel. AM/0160/U]

H; (UNDANG (A) 4-23

ASMAWAR BIN SAMAT,
Secretary,
State Executive Council,
Selangor



